

KRITERIA *KHAYRA UMMAH* DALAM IDENTITI UMAT ISLAM

Nasron Yaacob

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Email: drnasron@gmail.com

ABSTRAK

Umat Islam digelar oleh al-Quran sebagai umat terbaik atau *khayra ummah*. Gelaran ini adalah berasaskan kriteria yang ada pada umat Islam untuk melayakkan mereka menjadi umat contoh dan teladan kepada umat manusia lain. Walau bagaimanapun, kriteria ini semakin terhakis daripada identiti umat Islam berdasarkan situasi semasa pada hari ini. Justeru itu umat Islam perlu diperingatkan agar memiliki kembali gelaran *khayra ummah* dengan cara mempraktikkan semula kriterianya. Objektif kajian ialah mengupas kriteria sebenar *khayra ummah* yang menjadikan umat Islam sebagai umat yang istimewa di sisi Allah, untuk menjadi model teladan kepada umat manusia sejagat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersumberkan data-data dokumentasi dari buku-buku yang berkaitan. Buku-buku *turath* daripada cendekiawan Muslim yang muktabar diberikan keutamaan sebagai rujukan kajian bagi memastikan data yang diperolehi adalah berautoriti. Hasil kajian mendapati bahawa kriteria *khayra ummah* yang perlu dimiliki oleh umat Islam ialah merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak yang diwakili oleh keimanan kepada Allah, amalan amar makruf nahi mungkar dan identiti akhlak yang islamik. Umat Islam dituntut memiliki kriteria ini bagi menepati kehendak Allah untuk menjadikan mereka sebagai umat contoh kepada umat manusia lain yang bukan beragama Islam. Kajian lanjutan berkaitan topik ini perlu dilakukan khususnya untuk mengukur sejauh mana ketepatan kriteria *khayra ummah* ini dengan realiti identiti dan praktikaliti kehidupan umat Islam pada hari ini.

Kata Kunci : Kriteria, *Khayra Ummah*, Identiti, Umat Islam.

1. Pengenalan

Kajian ini adalah berkenaan konsep *khayra ummah* iaitu umat terbaik, yang ada pada umat Islam menurut kehendak Allah SWT. Tinjauan terhadap konsep ini adalah berasaskan rujukan kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijihad para ulama yang muktabar. Keistimewaan umat Islam ialah apabila Allah SWT sendiri memberikan gelaran *khayra ummah* yang bermakna sebaik-baik umat kepada mereka. Gelaran ini merupakan satu pengiktirafan yang besar daripadaNya kepada umat Islam sebagai khalifah lantikanNya di muka bumi ini. Justeru, amat besar sekali tanggungjawab yang dipikulkan oleh Allah SWT kepada umat Islam.

Secara umumnya, umat Islam hari ini tidak merasai keramatnya gelaran *khayra ummah*. Malah ada kalangan umat Islam sendiri yang merasa malu menjadi sebahagian daripada komuniti agama ini disebabkan fitnah dalaman dan luaran yang melanda. Situasi sebegini menepati agenda musuh Islam yang mahukan umat Islam jauh daripada ajaran Islam sebenar. Justeru itu konsep sebenar *khayra ummah* dan keramatnya perlu diagendakan semula dalam pemahaman umat Islam berdasarkan sumbernya yang sebenar. Kelahiran semula keramat *khayra ummah* ini akan memperkasakan umat Islam dengan agama Islam, dan akan mampu memberikan cabaran yang ampuh kepada musuh-musuh Islam.

Kriteria bermaksud ukuran untuk menentu nilai sesuatu (Baharom et al, 2000). Kajian artikel ini akan menghuraikan ukuran nilai dalam istilah *khayra ummah* sebagai satu nama khas bagi umat Islam. Perkataan *khayra ummah* diterjemahkan oleh Tafsir Pimpinan al-Rahman dengan istilah; sebaik-baik umat (Basmeih, 2000). Umat di sini adalah dirujuk kepada umat Islam yang juga merupakan umat Nabi Muhammad SAW. Identiti pula bermaksud sifat-sifat yang terdapat pada seseorang atau sesuatu yang sebagai suatu keseluruhan memperkenalkannya atau mengasingkannya daripada yang lain (Baharom et al, 2000). Identiti yang dimiliki oleh umat Islam di dunia ini sebagai umat pilihan Allah SWT adalah bercirikan kriteria *khayra ummah*.

Objektif kajian ini ialah mengupas kriteria sebenar *khayra ummah* menurut Islam. Pencerahan kriteria ini boleh menjadi rujukan kalangan umat Islam dalam mengatur norma hidup berlandaskan ajaran Islam sebenar. Ini kerana realiti masa kini menyaksikan umat Islam renggang daripada pengamalan Islam sebenar, yang menggugurkan status atau identiti mereka sebagai *khayra ummah* dan ikon sejagat. Kajian artikel ini diharap menjadi panduan dalam kalangan masyarakat Islam masa kini untuk sinonim dengan *khayra ummah*. Hasil kajian ini diharap menjadi sebahagian daripada usaha menormalisasikan konsep *khayra ummah* dalam kehidupan seharian umat Islam masa kini.

Konsep *khayra ummah* umat Islam perlu dibicarakan dalam khalayak awam, berfokus dan dijadikan tema harian dalam sesi komunikasi umat Islam. Ini bertujuan menyedarkan umat Islam keistimewaan mereka dalam kalangan masyarakat awam. Kefahaman betul *khayra ummah* juga mampu memberikan impak positif kepada masyarakat yang sedang berdepan dengan cabaran pelbagai gejala sosial yang negatif. Pembinaan jati diri *khayra ummah* dalam diri umat Islam akan memberikan impak yang positif. Dalam situasi cabaran pemikiran mengenai satu umat yang ideal dan baik untuk teladan dunia, umat Islam menawarkan diri sebagai umat terbaik dan paling ideal. Pemupukan konsep *khayra ummah* adalah suatu pembinaan jati negara yang akan mengukuhkan kesatuan negara dalam mendepani isu semasa.

2. Metodologi kajian


Kajian adalah berkenaan konsep *khayra ummah* yang menjadi kriteria istimewa yang dijenamakan oleh Allah SWT kepada umat Islam. Pemilihan ini bertujuan menjadikan umat Islam sebagai umat ikon dan teladan kepada manusia seluruh dunia. Umat Islam akan dinilai dan diteladani oleh umat manusia lain sebagai memiliki ciri-ciri umat yang diiktiraf oleh Allah SWT. Justeru itu ciri-ciri *khayra ummah* ini perlu disenaraikan secara jelas untuk dijadikan kayu ukur dan garis panduan kepada umat Islam. Selain itu juga, perbincangan mengenai tajuk ini perlu dicanang dan disemarakkan dalam ritual seharian umat Islam bagi tujuan pembudayaan masyarakat dengan ciri-ciri *khayra ummah* yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang mendapatkan data maklumat bersumberkan buku-buku, karya dan idea penulisan dalam bentuk dokumentasi oleh para ilmuan Islam, termasuk artikel-artikel jurnal berautoriti. Rujukan dan instrumen utama pencarian data ialah al-Quran dan tafsirannya, hadis-hadis sahih, pendapat para ulama berserta idea-idea semasa oleh para ilmuan Islam yang muktabar. Pengumpulan data-data daripada sumber-sumber ini adalah bagi memastikan kriteria sebenar dan tepat mengenai *khayra ummah* dapat dipersembahkan melalui kajian artikel ini berdasarkan dokumen yang sah dan berautoriti. Data-data akan dibandingkan antara satu sama lain dan dianalisis untuk mendapatkan rumusan sebenar berkaitan tajuk kajian yang dilaksanakan.

3. Dapatan Kajian

Allah SWT telah menyatakan keistimewaan umat Islam adalah sebagai *khayra ummah*, iaitu umat terbaik, contoh teladan dan komuniti ikon ideal kepada kalangan manusia di dunia ini. *Khayra ummah* diperkenalkan Allah SWT dengan mempunyai tiga kriteria iaitu beriman kepadaNya, bersyariah amar makruf nahi mungkar, dan bersikap ihsan melalui praktikal akhlak yang mulia. Ketiga-tiga kriteria ini disebut dalam surah Al 'Imran pada ayat 110.

Rajah 1: Kriteria *Khayra Ummah*



Sumber: Analisis Pengkaji

Setiap daripada tiga kriteria *khayra ummah* tersebut mengandungi kupasan dan penjelasan yang terperinci untuk menjadikannya sebagai panduan ummah yang lebih jelas:

Rajah 2: Kupasan Kriteria *Khayra Ummah*

Beriman kepada Allah	Amar makruf nahi mungkar	<i>Khayra Ummah</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Iman kepada Allah • Iman kepada Nabi • Yakin • Jihad 	<ul style="list-style-type: none"> • Nasihat <ul style="list-style-type: none"> • Nasihat tangan • Nasihat lidah • Nasihat hati 	<ul style="list-style-type: none"> • Nabi; contoh teladan kepada umat Islam. • Umat Islam; contoh teladan kepada umat manusia non Muslim.

Sumber: Analisis Pengkaji

Generasi Salaf umat Islam telah berjaya mempraktikkan kesemua kriteria *khayra ummah* sehingga menjadikan mereka generasi yang unggul dalam sejarah dunia. Dan kriteria yang sama masih terbuka untuk disantuni oleh generasi umat Islam hari ini. Justeru ia bergantung kepada sejauh mana kesedaran umat Islam dengan realiti fakta sejarah ini yang terbukti berjasa besar dalam proses pembinaan tamadun ideal yang menjadi jambatan pada kemodenan dunia masa kini.

4. Perbincangan

4.1. Kriteria *Khayra Ummah*

Khayra ummah ialah perkataan Arab yang merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu *khayra* yang bererti sebaik-baik, dan *ummah* yang bererti umat manusia. Gelaran *khayra ummah* ini dirujuk kepada umat Islam berasaskan pengamalan kriteria dan syaratnya dalam al-Quran:

Maksudnya: “*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)*”. (Q. 3: 110)

Ayat al-Quran ini secara jelasnya mengesahkan pengiktirafan Allah SWT terhadap umat Islam sebagai sebaik-baik umat dalam kalangan manusia (Ibn Kathir, 2000). Umat terbaik yang dimaksudkan di sini ialah yang memiliki dan memenuhi kriteria *khayra ummah*nya, iaitu sikap

menyuruh kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah. Justeru, insan yang mampu memiliki sifat dan memenuhi syarat dan kriteria ini adalah dikira menjadi sebahagian daripada *khayra ummah*, sebagaimana yang pernah diakui sebelum ini oleh Umar al-Khattab (al-Tabari, 2001).

Nabi Muhammad SAW juga menggambarkan tentang keistimewaan umat Islam sebagai *khayra ummah* dan model ikutan bagi ikutan semua manusia:

Maksudnya: “*Sebaik-baik manusia adalah kurunku (Sahabah RA), kemudian orang-orang yang selepas mereka (Tabi‘in), kemudian orang-orang yang selepas mereka (Tabi‘ Tabi‘in)*”. (Hadith no. 2652) *Sahih Bukhari*.

Hadis ini mengesahkan tentang keistimewaan gelaran *khayra ummah* terhadap umat Islam khususnya bagi generasi awal Muslim yang menjadi ikon dan teladan kepada generasi selepasnya. Begitu juga pengesahan ini dapat dibuktikan melalui hadis lain, sebagaimana berikut:

Maksudnya: “*Aku diberikan (pemberian) yang tidak pernah diberikan seorompokpun daripada para nabi: ... dan umatku dijadikan sebagai umat terbaik*”. (Hadith no. 763) *Musnad Ahmad bin Hanbal*.

Implikasi *khayra ummah* yang dianugerahkan kepada umat Islam digambarkan melalui hadis seterusnya seperti berikut:

Maksudnya: “*Kami manusia yang mula-mula masuk syurga, sedangkan mereka (umat terdahulu) telah diberi kitab sebelum kami, dan kami diberikannya (kitab) selepas mereka*”. (Hadith no. 876) *Sahih Bukhari*.

Konsep *khayra ummah* cuba diterapkan kepada Ahli Kitab sebelum kemunculan agama Islam. Walaupun Ahli Kitab juga memiliki kitab hidayah Taurat dan Injil sebagai panduan hidup beragama, namun pegangan dan praktikal iman yang lemah terhadap ajaran Allah telah menyebabkan mereka gagal menjadi ikon *khayra ummah* yang dikehendaki olehNya. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya) tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik*”. (Al ‘Imran: 110)

Oleh kerana Ahli Kitab tidak memiliki keimanan kepada Allah SWT secara sempurna yang merupakan asas kebaikan dan akhlak mulia, maka mereka telah keciciran dua paktikal syaraknya iaitu amar makruf nahi mungkar. Disebabkan keciciran ini, maka Ahli Kitab menjadi fasik, dan hanya segelintir kecil daripada mereka sahaja yang konsisten dengan ciri-ciri *khayra ummah* ini (al-Maraghi, 1946).

Menurut Hamka (1989), jika perkataan *khayra ummah* secara pengertian bahasa sahaja yang menjadi kepercayaan adat oleh umat Islam, nescaya samalah dengan Ahli Kitab Yahudi yang hanya berpegang dengan gelaran mereka sebagai anak-anak Allah dan kekasihNya tanpa terikat dengan syarat tertentu. Maka gelaran *khayra ummah* bagi umat Islam perlu sampai kepada kriteria yang telah ditentukan oleh Allah SWT, untuk ia terus kekal sebagai gelaran keramat sehingga ke akhir zaman. Justeru, gelaran *khayra ummah* ini adalah gelaran keramat daripada Allah SWT sendiri kepada umat Nabi Muhammad SAW yang perlu dijaga dan dipelihara sebaiknya dengan cara berusaha memenuhi kriterianya yang telah dinyatakan oleh wahyu.

4.2. Kesyumulan *Khayra Ummah*

Umat Islam adalah umat yang syumul, iaitu bersifat menyeluruh, universal dan sejagat (Baharom et al, 2000). Kesyumulannya dapat dilihat pada aspek kepercayaan (akidah), amalan (syariah) dan sikap (akhlak). Kesyumulan ini disebutkan melalui konsep *khayra ummah* sebagaimana dalam surah Al ‘Imran ayat 110. Manakala hadis yang dikenali sebagai hadis Jibril (Sahih Muslim, no hadis: 8), menyebutkan tentang perkara ini melalui istilah iman yang merujuk pada akidah, Islam yang merujuk pada syariah, dan ihsan yang merujuk pada akhlak, seperti paparan jadual di bawah:

Jadual 1: Kriteria *Khayra Ummah*

<i>Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Q. (3): 110</i>		
Akidah (Iman)	Syariah (Islam)	Akhlak (Ihsan)
<i>serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)</i>	<i>(kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji)</i>	<i>Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia</i>

Sumber: Analisis Pengkaji

Hikmat ayat al-Quran di atas mendahulukan suruhan makruf dan mencegah mungkar daripada beriman kepada Allah SWT kerana ia adalah pagar dan pengawal bagi iman. Tidak dinafikan keutamaan iman berbanding praktikal syarak, yang sepatutnya pernyataan beriman itu didahulukan dalam senarai sifat terbaik *khayra ummah*. Namun, Allah SWT menyebutkan sifat beriman selepas daripada praktikal syarak adalah sebagai menyesuaikan dengan gaya bahasa kemanusiaan yang akan menyedari keutamaan sifat beriman itu selepas disebutkan sifat-sifat yang terhasil daripada iman tadi. Pendekatan sebegini juga dapat disaksikan dalam ayat-ayat al-Quran yang lain (al-Maraghi, 1946).

4.2.1. Akidah (Iman)

Akidah dan iman kepada Allah SWT merupakan asas utama akidah *khayra ummah*. Konsep beriman kepada Allah diperincikan lagi oleh dua ayat al-Quran berikut:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. (Q. 8: 2)

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan rasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). (Q. 49: 15)

Daripada dua ayat di atas, dapat difahami bahawa ciri-ciri akidah *khayra ummah* dalam konteks beriman kepada Allah adalah beriman kepada Allah, beriman kepada Nabi SAW, yakin dan jihad, seperti jadual berikut:

Jadual 2: Ciri Akidah *Khayra Ummah*

Iman kepada Allah	Iman kepada Nabi SAW	Yakin	Jihad
(Q. 8: 2)			
<i>ialah mereka yang apabila disebut nama Allah</i>	<i>dan apabila dibaca mereka ayat-ayatNya menjadikan mereka bertambah iman</i>	<i>apabila kepada mereka berserah</i>	<i>dan kepada Tuhan jualah mereka mendirikan solat dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka</i>
(Q. 49: 15)			
<i>hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah</i>	<i>dan rasulNya</i>	<i>kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi</i>	<i>serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah</i>

Sumber: Analisis Pengkaji

i. Beriman kepada Allah

Orang yang beriman kepada Allah apabila disebutkan nama Allah akan merasai gementar hati yang disertai dengan suatu tindak balas tertentu (Reda, 1367H). Contohnya dalam ayat berikut, sedekah dan infak bertindak balas dengan perasaan gementar kerana mengingatkan Allah:

Dan orang-orang yang memberi apa yang mereka berikan sedang hati mereka gementar kerana mereka yakin akan kembali kepada Tuhan mereka. (Q. 23: 60)

Demikian juga sikap tunduk dan taat kepada Allah sebagai tindak balas dengan perasaan gementar kerana mengingatiNya:

Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadanya, dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat. Iaitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah gerun gementarlah hati mereka. (Q. 22: 34-35)

Justeru setiap tindak tanduk dan perbuatan yang dilakukan oleh insan yang gementar hatinya ketika mengingatkan Allah, adalah berpaksikan daya fikir yang akan menjaga dan meraikan adab tunduk, taat dan patuhnya kepada Allah semata-mata. Maka prinsip ini menjadi asas utama dalam kriteria akidah *khayra ummah*.

ii. Beriman kepada Nabi SAW

Ayat al-Quran yang dibacakan pada hari ini adalah yang pernah diwahyukan kepada Nabi SAW. Menyakini al-Quran sebagai wahyu adalah isyarat beriman yang jelas kepada Nabi SAW yang membawakannya. Insan yang bertambah imannya selepas membaca al-Quran ialah yang mencapai kepatuhan yang menyakinkan, ketenangan yang kuat, pemahaman yang luas, dan tindakan yang aktif

(Reda, 1367H) terhadap ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Bahkan syarat keimanan dan kecintaan seseorang kepada Allah ialah dengan mencintai dan mengikuti agama dan syariah yang dibawa oleh Nabi SAW (Ibn Kathir, 2000).

Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. (Q. 3: 31)

iii. Yakin

Muslim yang yakin dengan Allah dan rasulNya ialah yang tidak meragui dua kalimah syahadah tersebut, malah menjadi bertambah yakin dan percaya dengan al-Quran dan al-Sunnah:

Dan pada masa orang-orang beriman melihat tentera Ahzab, berkata mereka: Inilah yang dijanjikan Allah dan rasulNya kepada kami dan benarlah (janji) Allah dan rasulNya, dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah. (Q. 33: 22)

iv. Jihad

Sikap mukmin dalam mempraktikkan konsep jihad dalam agama ialah dengan mengambil kira faktor sebab musabab yang terkandung dalam sistem perjalanan alam ini. Orang yang meninggalkan faktor sebab musabab dalam bertawakal adalah orang yang jahil tentang Allah, agama dan sunah alamNya (Reda, 1367H). Maka mukmin yang bertawakal kepada Allah ialah yang beriman dengan ketentuannya dan berusaha menempuhi jalan sebab musabab yang biasanya dipenuhi kontroversi dalam jihadnya untuk meninggikan syiar Islam di mata dunia.

Iaitu kamu beriman kepada Allah dan rasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Q. 61: 11)

4.2.2. Syariah (Islam)

Syariah dalam agama adalah merujuk kepada praktikal amali kehidupan, dengan istilah Islam menurut hadis Jibril. Ia mewakili konsep amar makruf nahi mungkar sebagaimana dalam ayat 110 surah Al 'Imran. Konsep amar makruf nahi mungkar merupakan satu agenda agama yang sangat penting dan berpengaruh, dan bertepatan dengan arahan Allah SWT kepada umat Islam:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). (Q. 3: 104)

Melalui ayat ini, Allah SWT menggesa orang-orang mukmin memastikan adanya kumpulan atau jemaah yang menyeru manusia kepada Islam dan pengamalan hukumnya (Hamka, 1989), menggesa manusia meneladani Nabi SAW dan mengikuti agama yang dibawanya. Jemaah ini juga perlu berusaha untuk mencegah unsur-unsur kekufuran terhadap Allah dan pendustaan terhadap Nabi SAW dan dakwah yang dibawanya. Tugas jemaah ini perlu dilaksanakan sehinggalah manusia tunduk dan mentaati gesaan dan cegahan yang dilaksanakan oleh jemaah mukmin ini (al-Tabari, 2001). Justeru petanda hidupnya umat Islam dengan identiti *khayra ummah* adalah dengan hidupnya gerakan dakwah Islam yang bercirikan amar makruf nahi mungkar (Hamka, 1989).

Kewajipan membanteras kemungkaran adalah dalam kategori hukum fardu kifayah. Apabila ada segolongan umat Islam yang menggerakkan usaha ini maka ia dikira mewakili kewajipan setiap individu Muslim. Jika tidak ada golongan yang menggerakkannya, maka setiap individu Muslim di situ adalah dikira berdosa dan akan dipertanggungjawabkan atas kesalahan meninggalkan kewajipan membanteras kemungkaran (al-Nawawi, 1997). Menurut al-Mawardi (1989), hukum pelaksanaan amar makruf nahi mungkar adalah bergantung kepada pengamalnya. Ia menjadi fardu ain bagi penguatkuasa syariah (*muhtasib*), tetapi fardu kifayah bagi orang awam Muslim. Hukum fardu ain bagi penguatkuasa syariah (*muhtasib*) adalah kerana dia dilantik oleh pemerintah atau pihak berkuasa agar menguatkuasakan peraturan syariah dalam komuniti masyarakat tertentu. Berbeza dengan hukum fardu kifayah bagi Muslim awam yang tidak dipertanggungjawabkan dengan amar makruf nahi mungkar secara spesifik, kecuali jika ketiadaan penguatkuasaan syariah dalam komunitinya.

Penegasan dalam mengubah dan membanteras kemungkaran adalah hukum yang disepakati oleh umat Islam. Ia juga dapat disabitkan melalui al-Quran, al-Sunnah dan sepakat majoriti ummah. Golongan yang menafikan kewajipan membanteras kemungkaran hanyalah Syi'ah Rafidah, yang kemudiannya ditolak oleh kesepakatan ummah. Kewajipan membanteras kemungkaran juga adalah berdasarkan hukum syarak, dan bukannya berdasarkan hukum akal seperti kefahaman golongan Muktaizilah (al-Nawawi, 1997).

4.2.2.1. Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar

Ibn Athir (t.t.) mendefinisikan makruf sebagai semua perkara yang diketahui sebagai ketaatan dan mendekati diri kepada Allah, dan berbuat baik kepada manusia. Manakala mungkar pula dikira sebagai kata lawan bagi makruf, iaitu semua hal yang dianggap buruk, diharam dan dimakruhkan oleh syariah (Ibn Athir, t.t.). Konsep amar makruf nahi mungkar merupakan prinsip dakwah Islam yang amat penting. Malah ia menjadi tunjung kepada kestabilan dalam masyarakat dan mengangkat keterampilan imej umat Islam sebagai *khayra ummah* yang sempurna. Selama amar makruf nahi mungkar ada dalam amalan praktikal, maka selama itulah umat Islam dikenal pasti sebagai umat yang hidup (Hamka, 1989) dan berprestasi.

Amar makruf nahi mungkar juga boleh difahami sebagai nasihat (al-Nawawi, 1997), dalam skop yang dijelaskan oleh Nabi SAW:

Agama itu nasihat, kami (Sahabah RA) bertanya: Bagi siapa wahai Rasulullah? Sabda Rasulullah: Bagi Allah, kitabNya, rasulNya, kepada para pemimpin umat Islam, dan keseluruhan mereka. (Hadith no. 55) Sahih Muslim.

Hadis di atas menjelaskan kepentingan nasihat antaranya kepada para pemimpin dan umat Islam sendiri. Nasihat kepada para pemimpin umat Islam bermaksud menolong mereka atas kebenaran, menegur dan memperingatkan mereka secara mesra dan lembut, menyedarkan mereka tentang perhatian mereka yang tercicir terhadap hak-hak umat Islam, dan seumpamanya. Nasihat kepada masyarakat Islam keseluruhan ialah membimbing mereka ke arah kebaikan dunia dan akhirat, termasuklah menyemarakkan amar makruf nahi mungkar dalam kalangan mereka. Justeru pengertian hadis di atas cuba menggambarkan kepentingan nasihat termasuklah amar makruf nahi mungkar adalah seumpama tiang bagi agama Islam (al-Nawawi, 1997).

Konsep nasihat inilah yang diterjemahkan oleh hadis Nabi SAW yang berikut, melalui agenda dalam praktikal terhadap konsep amar makruf nahi mungkar:

Sesiapa daripada kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka ubahlah ia dengan tangannya, sekiranya tidak mampu maka dengan lidahnya, sekiranya tidak mampu maka dengan hatinya, dan demikian itu adalah selemah-lemah iman. (Hadith no. 49) Sahih Muslim.

Hadis ini menjelaskan bahawa kemungkaran perlu dibanteras dengan pelbagai cara sama ada dengan tindakan atau perbuatan mahupun kata-kata, yang termasuk dalam konsep umum nasihat. Namun, jika cara tindakan dengan perbuatan itu mengakibatkan ancaman dan bahaya yang lebih besar, maka memadailah pencegahan kemungkaran itu dengan kata-kata. Jika kata-kata juga boleh mengundang bahaya dan ancaman, maka memadailah pengingkaran mungkar itu dilakukan dengan hati (al-Nawawi, 1997).

Rajah 3: Nasihat Dalam Amar Makruf Nahi Mungkar



Sumber: Analisis Pengkaji

4.2.2.2. Permasalahan

Al-Quran juga memperingatkan umat Islam tentang kegagalan praktikal agama oleh Bani Isra'il ialah kerana masalah konsistensi dengan amar makruf nahi mungkar (Ibn Kathir, 2000). Mereka tidak menegah kemungkaran walaupun skalanya besar dan nyata, sedangkan penegahan itu adalah sebagai penjaga agama dan penentu batasan kelebihan amalan dan adab (al-Maraghi, 1946).

Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh) yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amat buruklah apa yang mereka telah lakukan. (Q. 5: 79)

Hadis berikut menjelaskan punca kelalaian Bani Isra'il dengan ajaran agama ialah tidak konsisten dengan amalan amar makruf nahi mungkar.

Sesungguhnya perkara pertama yang mencacatkan Bani Isra'il apabila seorang lelaki (salih) menemui lelaki lain (pelaku maksiat) maka dia berpesan: "Wahai fulan bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan perlakuanmu (maksiat) kerana ia tidak halal bagimu". Kemudian lelaki salih bertemu lagi dengan pelaku maksiat yang kelmarin tetapi dia tidak lagi mencegah perlakuan maksiat itu, bahkan dia sudah menjadi teman untuk makan, minum dan bersantai. Apabila demikian tindakan mereka maka Allah mencampur aduk hati-hati mereka antara satu sama lain". Kemudian Nabi SAW membacakan ayat: (Dilaknat orang-orang kafir daripada Bani Isra'il melalui lidah Dawud dan Isa bin Maryam kerana mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan sesama sendiri dari kemungkaran yang mereka lakukan, amatlah buruk apa yang mereka perbuatkan). Kemudian sabda Nabi SAW: "Bahkan demi Allah hendaklah kamu menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran, bertindak terhadap orang yang zalim, melazimkannya dengan kebenaran, dan memastikannya agar tidak berbuat kemungkaran dan haram". (Hadith no. 4336) Sunan Abi Dawud.

Apabila pelaku maksiat sudah berani mempamerkan kelakuan dosa kepada khalayak ramai, maka ia menjadi ikutan. Kekejian dosa itu hilang daripada pandangan khalayak ramai bersama hilangnya pengaruh agama. Akhirnya hukum agama disisihkan daripada menjadi rujukan dalam kehidupan (al-

Maraghi, 1946). Pelaksanaan amar makruf nahi mungkar akan terencat apabila prinsip dan ajarannya sudah tidak dipercayai dan diyakini.

Maksiat yang berleluasa akan mengundang balasan siksaan daripada Allah dalam pelbagai bentuk. Kedatangan balasan siksaan itu sangat hampir dan nyaris-nyaris menimpa mereka sebagaimana digambarkan oleh hadis seterusnya (Abadi, t.t.). Kerana itu maksiat dan kemungkaran yang tidak dicegah adalah pembuka pintu kepada kemurkaan dan musibah daripada Allah SWT, sebagaimana peringatan hadis berikut:

Tiadalah sesuatu kaum yang berlaku kemaksiatan sedang mereka mampu mengubahnya, namun mereka tidak mengubahnya, kecuali akan nyarislah Allah menimpakan mereka dengan siksaan. (Hadith no. 4338) *Sunan Abi Dawud.*

4.2.3. Akhlak (Ihsan)

Slot ayat al-Quran yang berbicara tentang keperibadian dan akhlak *khayra ummah* ialah merujuk pada kata ganti diri kamu (*kuntum*), dalam ayat 110 surah Al 'Imran. Perkataan *kuntum* (kamu adalah) menurut Tafsir al-Manar mempunyai tiga pengertian. Makna pertamanya menjurus pada erti kesempurnaan, iaitu *khayra ummah* sebagai umat terbaik yang sempurna dalam realiti kehidupan semasa berbanding umat manusia yang lain. Kalau ada umat manusia lain yang tidak melihat keperluan galakan perkara makruf dan menolak perkara yang tidak baik atau mungkar, maka umat Islam sebagai *khayra ummah* telah berjaya melaksanakannya dengan sempurna. Makna keduanya ialah sebagai umat terbaik yang sudah sedia ada di sisi ilmu Allah SWT, atau sudah sedia terbaik dalam rekod kitab dan pengetahuan umat-umat terdahulu yang sudah berbicara tentang *khayra ummah* ini. Manakala makna ketiga ialah perkataan (kamu adalah) ialah bererti (jadilah kamu), iaitu telah jadilah kamu umat Islam sebagai umat yang terbaik (Reda, 1367H).

Surah al-Baqarah juga berbicara akhlak umat Islam sebagai umat pilihan dan adil, sebagaimana dalam terjemahan al-Quran berikut:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Q. 2: 143)

Nilai akhlak yang ditekankan dalam ayat ini tentang umat Islam yang memiliki akhlak pilihan dan adil. Umat Islam juga menjadi saksi penyampaian dakwah bagi para nabi dan rasul terhadap kaum mereka, dan saksi kepada umat bukan Muslim dalam kalangan umat Nabi Muhammad SAW. Malah Nabi SAW sendiri menjadi saksi terhadap keimanan umat Islam kepada baginda SAW dan dakwahnya (al-Tabari, 2001). Kerana itu ikon akhlak mulia umat Islam ialah Nabi SAW sepertimana yang diakui al-Quran menurut pernyataan 'A'isyah RA (Hadith no. 25311) *Musnad Ahmad bin Hanbal.*

Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia. (Q. 68: 4)

Akhlak pilihan dan adil juga bermaksud pertengahan antara dua sudut, iaitu antara sudut pelampauan dan sudut peremehan. Iaitu pertengahan antara akhlak golongan Yahudi yang mengutamakan kemahuan dunia, dan sikap pendeta Kristian, sufism Hindu dan penganut Sabi'ah yang hanya

mengutamakan kehidupan rohani sahaja (Reda, 1367H). Justeru umat Islam adalah adil kerana seimbang dalam meraikan keperluan dunia dan akhirat, dan menjadi umat pilihan kerana berjaya menjadi teladan kepada umat lain tentang keseimbangan dan kesederhanaan dalam kehidupan.

Rajah 4: Akhlak *Khayra Ummah*

Akhlak <i>Khayra Ummah</i>	
Nabi SAW	• contoh teladan kepada umat Islam
Umat Islam	• contoh teladan kepada umat manusia non Muslim

Sumber: Analisis Pengkaji

Ciri-ciri akhlak dalam Islam yang semestinya dipegang dan dilaksanakan oleh umat Islam adalah seperti berikut:

1. Diiktiraf al-Quran dan al-Sunnah

Status akhlak adalah sangat jelas dalam al-Quran dan disebutkan dalam banyak ayat dan hadis-hadis, menandakan keprihatinan nas wahyu terhadapnya. Penjelasan tersebut berkenaan akhlak mulia yang diiktiraf oleh al-Quran dan al-Sunnah, seperti sifat menunaikan janji, adil, sabar, jujur, tolong menolong, jaga kehormatan individu dan lain-lain lagi. Manakala akhlak buruk yang diperingatkan oleh al-Quran dan al-Sunnah ialah contohnya sifat sombong, membazir, zalim, dengki, riak, bercakap sia-sia dan seumpamanya (Zaidan, 1998).

2. Sempurna

Akhlak dalam Islam bersifat sempurna dan mencakupi semua aspek kehidupan, sama ada berkenaan individu, institusi keluarga, masyarakat, mahupun berkaitan dengan urusan kerajaan dan kenegaraan tertentu (Zaidan, 1998). Skop akhlak Islam juga mencakupi hubungan insan dengan Tuhannya sebagai seorang hamba di atas muka bumi. Akhlak Islam juga menyusun norma tentang etika seseorang insan terhadap dirinya sendiri. Begitu juga akhlak dengan ibu bapa, isteri atau suami, anak-anak, kaum kerabat sanak saudara dan jiran rumahnya. Juga akhlak dengan kawan-kawan, dan hubungan dengan anggota masyarakat, kaum, negeri dan negara (Hashimi, 1993). Penekanan berakhlak mulia telah diutarakan oleh Nabi SAW sendiri dalam hadis berikut:

Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang baik. (Hadith no. 8939) *Musnad Ahmad bin Hanbal.*

Kerana itu Islam menitikberatkan isu akhlak dalam komuniti yang melibatkan akhlak peribadi insan dengan Allah, dan akhlak dengan komuniti masyarakat pelbagai lapisan ('Azzam, 1986). Akhlak dalam komuniti akan berkait dengan konsep hak dan kewajipan. Hak dan kewajipan menjadi keperluan hidup insan, malah merupakan binaan penting kepada asas kehidupan bermasyarakat. Tanpa hak dan kewajipan maka tiadalah aktiviti pembinaan komuniti dalam tapak kehidupan sesebuah masyarakat (Amin, 1931). Akhlak yang cakna dengan hak dan kewajipan, akan berjaya mengembangkan komuniti dalam masyarakat secara baik dan diberkati.

3. Konsisten

Konsisten dengan akhlak mulia adalah dituntut dalam agama, sama ada dalam aspek cara pelaksanaan mahupun matlamat akhirnya. Konsistensi seseorang Muslim dengan akhlak mulia adalah implikasi daripada kejujurannya dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah. Contohnya, umat Islam dilarang menjalankan usaha untuk mencapai sesuatu matlamat dengan cara yang keji dan bercanggah dengan syarak. Ini kerana Islam menolak konsep matlamat menghalalkan cara. Al-Quran menegaskan isu ini dalam ayat berikut:

Dan jika mereka meminta pertolongan kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. (Q. 8: 72)

Ayat ini menjelaskan kewajipan Muslim menolong saudara Muslimnya atas dasar persaudaraan Muslim. Tetapi jika pertolongan yang dihulurkan itu menggugat perjanjian yang ada dengan orang-orang kafir, maka ia tidak dibenarkan kerana cara pelaksanaannya itu adalah khianat walaupun matlamatnya adalah menolong sesama Muslim (Zaidan, 1998). Al-Quran juga memperingatkan kepentingan menunaikan janji:

Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu merombak sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah). (Q. 16: 91)

Justeru seseorang Muslim perlu jujur dalam perjanjian walaupun dengan bukan Muslim selagi mana mereka tidak mengkhianati perjanjian tersebut. Demikian yang berlaku dalam perjanjian Hudaibiyah. Dakwah Islam yang berisi kejujuran berjaya disebarkan lebih meluas dan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Dan akhirnya musyrikin Mekah yang mengkhianati perjanjian tersebut kerana tidak dapat menerima hasil perjanjian yang lebih menguntungkan umat Islam (al-Buti, 1998).

4. Kaitan iman dan takwa

Akhlak dalam Islam mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan iman dan takwa. Contohnya sifat menunaikan janji walaupun dengan golongan bukan Muslim adalah hasil asuhan keimanan dan ketakwaan kerana ia dinyatakan dan diakui sendiri oleh Allah (Zaidan, 1998).

Maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian mereka (musyrikin) sehingga (habis) tempohnya, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa. (Q. 9: 4)

Iman sebenar ialah iman yang dapat membentuk akhlak mulia dalam peribadi seseorang Muslim. Sesiapa yang khianat dengan amanah yang diterima dan tidak menunaikan kewajipan dalam perjanjian ajaran agamanya, maka dia memiliki iman dan takwa yang cacat dan tidak bernilai (Zaidan, 1998). Sabda Nabi SAW:

Tiada iman bagi yang tiada amanahnya, dan tiada agama bagi yang tiada janjinya. (Hadith no. 12410) Musnad Ahmad bin Hanbal.

5. Pembalasan

Islam menetapkan balasan baik bagi akhlak yang baik, dan juga balasan buruk bagi akhlak yang keji. Balasan di dunia juga datang dalam bentuk keruntuhan institusi masyarakat yang banyak terpalit dengan akhlak keji. Nabi SAW bersabda:

Sesungguhnya sebab binasa orang-orang sebelum kamu bahawa mereka apabila orang berdarjat mencuri mereka lepaskannya, dan apabila orang biasa yang mencuri mereka laksanakan ke atasnya hukuman. (Hadith no. 3475) Sahih Bukhari.

Balasan juga menimpa masyarakat kerana adanya sikap takut, tidak acuh dengan penyebaran kezaliman dan kemungkar dan hanya mahu menjaga kepentingan dunia semata-mata (Zaidan, 2002). Sikap dan akhlak sebeginilah yang akan mengundang bala dan musibah:

Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). (Q. 8: 25)

Akhlak yang beriman menjadi penilaian Allah SWT. Kalau tanggungjawab perundangan sivil adalah terikat dengan undang-undangnya, maka tanggungjawab akhlak pula terikat dengan penghakiman Allah SWT. Justeru skop tanggungjawab dengan Allah adalah lebih luas daripada perundangan sivil. Ini kerana tanggungjawab akhlak dengan Allah tidak melibatkan aspek zahir sahaja, bahkan juga melibatkan aspek batin iaitu akhlak. Sikap buruk seperti hasad, dusta, tidak jujur dan seumpamanya akan menjadi penilaian dan diberikan balasan setimpal oleh Allah SWT. Skop ini tidak pernah menjadi teras utama dalam tanggungjawab perundangan sivil yang hanya memfokuskan pada aspek zahir semata-mata, tanpa penilaian batin atau akhlak (Amin, 1931).

5. Kesimpulan

Dalam kalangan umat akhir zaman, Allah SWT telah memilih satu umat terbaik bagi semua umat manusia lain, yang digelar sebagai *khayra ummah*. Umat terbaik atau *khayra ummah* itu ialah umat Islam atau umat Nabi Muhammad SAW. Kriteria umat ini adalah berpaksikan ciri-cirinya yang telah digariskan oleh al-Quran, iaitu berakidah dengan keimanan kepada Allah, bersyariah dengan amar makruf nahi mungkar, dan berakhlak dengan landasan akidah dan syariah Islam tadi.

Ciri *khayra ummah* dalam akidah ialah beriman kepada Allah, beriman kepada Nabi Muhammad SAW, berkeyakinan teguh dengan akidah Islam, dan menggerakkan usaha jihad dan kesungguhan demi menegakkan syiar agamaNya. Manakala dalam syariah pula ialah memastikan gerakan amar makruf nahi mungkar berjalan dengan sempurnanya dalam norma masyarakat Islam, dengan praktikal konsep nasihat dalam agama melalui teguran dengan tangan, lidah dan hati. Dalam aspek akhlak pula, ciri petandanya adalah diiktiraf oleh al-Quran dan al-Sunnah, bersifat sempurna, konsisten, bercirikan iman dan takwa, dan mengandungi peringatan mengenai pembalasan terhadap akhlak keji. Ia dapat dipraktikkan dengan menjadikan Nabi SAW sebagai contoh teladan kepada umat Islam, dan umat Islam sendiri perlu menjadi contoh teladan kepada umat manusia yang masih belum beragama Islam.

Kriteria *khayra ummah* inilah yang membekalkan semangat jati diri yang tinggi dalam peribadi setiap Muslim yang mempercayainya. Ia menjadi pegangan hidup dan panduan semangat ketika berdepan dengan cabaran yang melibatkan semua aspek kehidupan. Antaranya aspek pemikiran, cabaran dakwah dan tarbiah, pengurusan isu kontroversi, aspek politik, pentadbiran hal ehwal masyarakat, dan aspek hubungan sosial sejagat.

Justeru, kriteria *khayra ummah* ini perlu dipromosikan dalam kalangan umat Islam hari ini agar mereka tidak asing dengan konsep keramat ini. Ia boleh menjadi panduan dan ikutan bagi umat Islam

yang selama ini keciciran dalam pengamalannya, dan boleh menjadi pelengkap dalam pembentukan peribadi dan jati diri yang sempurna bagi umat Islam yang berusaha menghayatinya dalam kehidupan mereka. Fakta sejarah mencatatkan kemunculan umat Islam dan tamadunnya sebagai pemimpin dan peneraju dunia moden pada zamannya adalah berasaskan penghayatan pada kriteria *khayra ummah* ini. Fakta ini memberikan isyarat kepada umat Islam hari ini tidak mustahil untuk mengembalikan keunggulan ummah sebagaimana catatan sejarah tersebut, berdasarkan pencapaian kriteria *khayra ummah* yang telah disyaratkan oleh Allah SWT.

6. Rujukan

- Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, c. 16, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, h. 120.
- Isma'il bin Kathir (2000), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, tahqiq: Mustafa al-Sayyid Muhammad et al., jld. 3, Jizah: Mu'assasah Qurtubah, h. 141.
- Muhammad bin Jarir al-Tabari (2001), *Tafsir al-Tabari*, tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki, juz. 5, Kaherah: Dar Hijr, h. 673.
- Muhammad Rashid Reda (1367H), *Tafsir al-Quran al-Hakim al-Shahir bi Tafsir al-Manar*, juz. 4, Misr: Dar al-Manar, h. 20.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi (1946), *Tafsir al-Maraghi*, juz. 4, Misr: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 30.
- Abdul Malik bin Abdul Karim HAMKA (1989), *Tafsir al-Azhar*, juz. 2, Singapura: Pustaka Nasional, h. 886.
- Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1998), *Sahih al-Bukhari; Kitab al-Shahadat*, semakan: Abu Suhayb al-Karami, no. hadis: 2652, Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, h. 502.
- Ahmad bin Hanbal (1998), *Musnad Ahmad bin Hanbal; Musnad al-Khulafa' al-Rashidin*, no hadis: 763, Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, h. 102. Lihat juga: Muhammad Nasir al-Din al-Albani (2002), *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*, jld. 7, no. hadis: 3939, Riyad: Maktabah al-Ma'arif, h. 1643.
- Muslim bin al-Hajjaj (1998), *Sahih Muslim; Kitab al-Iman*, no hadis: 8, Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, h. 36.
- Noresah Baharom et al. (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan al-Banna (1992), *Da'watuna fi Tawr al-Jadid*, dalam *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*, Kaherah: Dar al-Shihab, h. 226.
- 'Abd al-Karim Zaidan (1998), *Usul al-Da'wah*, c. 8, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 442.
- Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (1980), *Al-Mu'jam al-Kabir*, juz. 17, no hadis: 118, Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, h. 59.
- Muhy al-Din al-Nawawi (1997), *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, juz. 6, c. 4, Beirut: Dar al-Ma'arif, h. 403.
- 'Aliy bin Muhammad al-Mawardi (1989), *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*, tahqiq: Ahmad Mubarak al-Baghdady, Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaybah, h. 315.
- Al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari Ibn al-Athir (t.t.), *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*, tahqiq: Mahmud Muhammad al-Tanahi, juz. 3, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 216.
- Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani (1999), *Sunan Abi Dawud; Kitab al-Malahim*, no hadis: 4344, Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, h. 474.
- Muhammad Ashraf bin Amir al-'Azim Abadi (t.t.), *'Awn al-Ma'bud 'Ala Sunan Abi Dawud*, 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, h. 1880.
- Yusuf al-Qaradawi (2001), *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*, c. 3, Kaherah: Dar al-Syuruq, h. 120.

- Hidayatullah, Muh Gufron. "Konsep 'Amar Makruf Nahi Mungkar Dalam Al-Qur'an Perspective Mufassirin Dan Fuqaha'." *Al-'Adalah* 23, no. 1 (2020): 1-10.
- 'Abd al-Rahman al-Suyuti (1997), *Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*, juz. 1, Mekah: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz, h. 255.
- Muhammad 'Ali al-Hashimi (1993), *Syakhsiyyah al-Muslim*, Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (1998), *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, h. 339.
- Mahfuz 'Ali 'Azzam (1986), *Al-Akhlak fi al-Islam; Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, Mesir: Dar al-Hidayah, h. 51.